

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HMT 202 Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNG SEMBILAN [9] SOALAN DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab ENAM [6] soalan, SOALAN NO. 1 WAJIB dijawab dan LIMA [5] soalan lain.

1. Teliti baik-baik data yang diberi dan kemudian jawab soalan-soalan di bawah.

<u>Bentuk Dasar</u>	<u>Bentuk Terbitan</u>
/ umpan /	[mənpumpan]
/ rian /	[pariəŋ]
/ nanti /	[mənənti]
/ harta /	[bərharta]
/ ərti /	[berərti]
/ layan /	[məlayan]
/ imban /	[məŋimban]
/ layur /	[məlayur]
/ ɔmpak /	[mənɔmpa ²]
/ tandin /	[bərtanding]
/ wanji /	[məwanjɪ]
/ sərta /	[bəsərta]

- (a) Tentukan imbuhan yang manakah yang anda anggap sebagai bentuk dasar dan terangkan kenapa?

- (b) Tulis semua rumus yang boleh anda gunakan untuk menerbitkan semua bentuk terbitan di atas.
- (c) Nyatakan sama ada rumus-rumus yang anda tulis itu harus disusun atau tidak.
2. Bersetujukah anda atau tidak dengan pendapat beberapa orang ahli bahasa setempat yang mengatakan bahawa sebutan baku bahasa Melayu semata-mata berdasarkan ejaan bahasa Melayu. (Jawapan anda harus disertai dengan contoh yang sesuai).
3. Gunakan fitur distingtif untuk menulis satu rumus yang tercantum bagi menerangkan proses fonologi yang berikut.
- (a) i. / u / → [o] / — / k / #
ii. / o / → [ɔ] / — / k / #
- (b) Perluaskan rumus berikut:
- i. a → B / C
(D) E — (F) G
- ii. Cantumkan rumus berikut:
A → B / C — D
A → B / — DE
A → B / C — E
4. Bentuk Dasar B. Melayu Baku Dialek Kelantan Dialek Terengganu Dialek Kedah
- | | | | | |
|--------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|
| ikat | [?ikat] | [?ika ²] | [?ika ²] | [?ikat] |
| awan | [awan] | [?aw ^ɛ] | [?awan] | [?awan] |
| asap | [?asap] | [?asa ²] | [?asa ²] | [?asap] |
| masak | [m̩asa ²] | [m̩asa ²] | [m̩asa ²] | [m̩asa ²] |
| balas | [balas] | [balah] | [balah] | [balaih] |
| klinik | [klinik] | [klinik] | [klinik] | [klinik] |
- Perhatikan data di atas:
- (a) Senaraikan alternasi yang terdapat di dalam data tersebut.
- (b) Tuliskan rumus-rumus dengan menggunakan fitur distingtif bagi menjelaskan alternasi tersebut.

5. Apabila morfem dicantumkan untuk membina kata mungkin akan berlaku proses-proses perubahan fonologis seperti asimilasi, pengguguran, penyisipan dan penasalan vokal. Bincangkan pernyataan tersebut dan terangkan proses-proses fonologis dengan disertai contoh-contoh yang sesuai dari bahasa Melayu.
6. Penuhkan ruang di bawah dengan nilai (+ atau -) yang sesuai dan kemudian jika anda dapati ada fitur yang anda anggap lewah (redundant), bulatkan fitur itu dan nyatakan kenapa fitur yang anda bulatkan itu lewah.

	z	y	g	l	m	r	b	s
anterior								
koronal								

7. Terangkan bagaimana bunyi bahasa Melayu yang diberi di bawah dapat dihasilkan. Jawapan anda harus disertai dengan gambar rajah yang sesuai.

[z] [n] [j] [v]

8. Dengan menggunakan contoh yang sesuai daripada bahasa Melayu, terangkan bagaimana anda dapat menentukan bahawa sesuatu bunyi itu fonem, quasi-fonem, arki-fonem dan bukan alofon dan sebaliknya.
9. Transkripsikan perkataan di bawah ini di dalam bentuk fonetik dan kemudian tulis rumus-rumus yang boleh menerbitkan bentuk fonetik tersebut.

- | | |
|-------------|------------|
| (a) manfaat | (f) angkuh |
| (b) masalah | (g) lauk |
| (c) rokok | (h) rimas |
| (d) timbul | (i) klinik |
| (e) kias | (j) baik |